



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"TAHUN BAHARU: MEMPERTEGUH AZAM - MEMUGAR USAHA"

3 Januari 2025 / 3 Rejab 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena tahun baharu 2025 Masihi, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"TAHUN BAHARU: MEMPERTEGUH AZAM - MEMUGAR USAHA"

Firman Allah SWT, ayat 159 surah Ali 'Imran:

...فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Bermaksud: Kemudian, apabila kamu telah berazam, maka bertawakallah kepada Allah. Maka sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada Nya.

Alhamdulillah, hari ini dengan ihsan Illahi, kita terus dikurniakan usia untuk melangkah masuk ke tahun 2025 Masihi. Dengan rahmat Illahi, kita dikurniakan kesihatan dan rezeki menjadi tetamu di rumah Allah, untuk bersolat Jumaat, pada Jumaat pertama tahun 2025 Masihi. Insafilah! Ada dalam kalangan ahli keluarga, jiran tetangga dan rakan taulan kita yang telah menyahut seruan Illahi, kembali ke Rahmatullah, dan tidak bersama kita boleh melangkah masuk ke tahun 2025 Masihi. Semoga usia, kesihatan dan rezeki yang Allah kurniakan kepada kita, dimanfaatkan sebaik-baiknya melalui sifat syukur,

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



memperteguh azam untuk menjadi insan yang lebih bertakwa; memperkukuh iman, berusaha memperdekat diri dengan Allah dan mengamalkan sunah Rasulullah SAW; memakmurkan rumah Allah, mendampingi al-Quran, memperbanyakkan amal makruf dan menjauhi kemungkaran.

Ambilah sejenak waktu, ketika melangkah masuk ke tahun baharu untuk bermuhasabah, menilai kelemahan yang masih ada dalam diri yang menjadi punca kepada ketidakcapaian niat dan hasrat, dan difikirkan usaha yang perlu ditingkatkan untuk menambak baik, agar tahun 2025 memberikan kejayaan yang lebih gemilang; daripada segi penguasaan ilmu, kejayaan kerjaya, serta melakukan amal jariah dan meningkatkan ibadah. Lafazkan sebanyak-banyak kalimah kesyukuran atas kejayaan kurniaan Ilahi, dan dilipatgandakan usaha untuk memenuhi niat dan hasrat yang masih belum tercapai. Jangan disesali, atau terlalu cepat berasa kecewa jika niat dan hasrat masih belum dimakbulkan Ilahi, tetapi sandarkanlah bahawa apa juga yang berlaku, ditakdirkan oleh Allah Yang Maha Berkuasa. Sabda Rasulullah SAW:

إِحْرَصْ عَلَىٰ مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِزْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي
فَعَلْتُ كَانَتْ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ

Bermaksud: "Berusahalah untuk mendapatkan apa yang bermanfaat bagimu dan mintalah pertolongan kepada Allah serta janganlah berasa lemah (putus semangat). Jika engkau ditimpa sesuatu (musibah), janganlah engkau berkata, "seandainya aku berbuat demikian, tentu tidak akan begini dan begitu", tetapi katakanlah, "ini telah ditakdirkan Allah, dan Allah berbuat apa saja yang Dia kehendaki". (Hadis Riwayat Muslim)

Ayat 159 surah Ali 'Imran yang khatib bacakan pada awal khutbah, mengingatkan kita tentang pentingnya memperteguh azam ketika melaksanakan sesuatu usaha, dikembari dengan niat yang ikhlas, di samping bertawakal dengan sepenuh keyakinan terhadap Allah SWT. Susulilah azam dan niat dengan keyakinan serta usaha bersungguh untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kesungguhan dalam melaksanakan usaha kebaikan, adalah jihad yang dituntut dalam Islam. Firman Allah SWT, surah al-Ankabut ayat 69:

﴿وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾﴾



Bermaksud: Dan orang yang berjihad dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, maka Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan). Dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah diberikan kepada orang yang berbuat baik."

Ayat 69 Surah al-Ankabut, menjelaskan, usaha yang bersungguh-sungguh akan mendapat petunjuk dan bantuan daripada Allah SWT. Sedarilah! dunia ini merupakan tempat untuk kita beramal; kita diangkat bertaraf khalifah dengan tanggungjawab untuk memakmurkan bumi. Segala amal makruf yang disempurnakan di dunia ini, akan menjadi bekalan untuk akhirat. Setiap amalan yang kita lakukan akan dilihat oleh Allah SWT. Setiap amalan akan dibalas sesuai dengan niat dan usaha yang dilakukan. Oleh itu, ummah hendaklah sentiasa berusaha dengan sebaik dan seikhlas mungkin dalam setiap kerja yang dilakukan; kerana apa jua kerja yang dilakukan, bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan di dunia, bahkan akan dihisab oleh Allah SWT untuk diberi pembalasan di akhirat.

Jemaah yang dilimpahi fadilat Ilahi,

Bersempena khutbah sulung tahun 2025 Masihi, khatib memilih menyampaikan beberapa pesanan:

Pertama: Ummah disarankan bermuhasabah, menilai pencapaian begitu juga ketidakcapaian matlamat yang ditetapkan pada tahun 2024. Bersyukur atas kejayaan yang telah dikurniakan Ilahi, di samping mengenal pasti kelemahan diri yang telah menjadi penyebab ketidakcapaian; lalu diambil langkah-langkah menambah baik agar mencapai kejayaan lebih cemerlang pada tahun 2025.

Kedua: Memperteguh azam untuk meningkatkan amal makruf dan menjauhi perkara-perkara mungkar agar kehidupan mendapat keredaan Ilahi. Berusaha solat berjemaah pada setiap waktu, menjadikan amalan harian membaca al-Quran, menambah ilmu pengetahuan dan menghadiri majlis-majlis ilmu, serta banyakkkan berzakat, berwakaf, bersedekah dan berinfaq.

Ketiga: Berusaha untuk lebih berjimat cermat, mengurangkan pembaziran, menambahkan simpanan dan tabungan untuk masa hadapan; berusaha untuk meningkatkan tahap kesihatan melalui disiplin beriadah dan mengawal makanan.



Keempat: Setiap azam dan usaha diniatkan untuk mencari keredaan Ilahi. Amatlah rugi jika azam dan usaha bertujuan untuk meraih keuntungan duniawi hingga tergamak melakukan perkara-perkara mungkar yang dimurkai Ilahi seperti menipu, mencuri, melakukan rasuah dan pecah amanah. Ikhhlaskan niat semata-mata kerana Allah SWT dalam setiap azam dan usaha yang kita lakukan selaras dengan sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى ...

Bermaksud: Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya setiap orang akan mendapat (balasan) berdasarkan apa yang diniatkannya.
(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Kelima: Setiap usaha mestilah mematuhi syariah, dilaksanakan dengan tekun dan sempurna kerana sifat tekun dan sempurna menjadi sebab kecintaan Allah SWT kepada hamba Nya seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَقِنَهُ

Bermaksud: "Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan *itqan* (tekun dan sempurna)."

(Hadis Riwayat Al-Baihaqi)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal'alamina! muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Berikanlah kesedaran kepada kami untuk menjalankan segala urusan kehidupan kami selaras dengan syariat Mu. Teguhkan azam kami – ikhlaskan niat kami agar setiap amalan dan pekerjaan yang kami lakukan mendapat redha Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.